



Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia

Lindungi Penyusuan Susu Ibu: Tanggungjawab Bersama



PENDAHULUAN

Pandemik COVID-19 membawa pelbagai cabaran kepada masyarakat global. Tindakan memastikan kelangsungan hidup, kesihatan dan kesejahteraan sejagat kini menjadi lebih penting daripada sebelumnya. Penyusuan susu ibu adalah asas kepada kehidupan yang memberi impak terhadap kesihatan dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang, pemakanan sihat serta sekuriti makanan semasa situasi bencana ataupun sebaliknya. Justeru, penyusuan susu ibu adalah hak asasi manusia yang perlu dihormati, dilindungi dan dipenuhi.

Penyusuan susu ibu adalah hak asasi manusia yang perlu dihormati, dilindungi dan dipenuhi.

Pendekatan kesihatan awam terhadap penyusuan susu ibu dengan melibatkan kerjasama pelbagai pihak amat penting. Pendekatan bersama ini akan mewujudkan persekitaran yang melindungi dan menyokong amalan penyusuan susu ibu (persekitaran mesra ibu). Usaha sama ini juga memberi pengukuhan kepada gerakan tanggungjawab bersama yang berasaskan data dan hasil dapatan saintifik terhadap manfaat amalan penyusuan susu ibu. Penambahbaikan ke atas dasar dan amalan sedia ada juga mampu mengubah kehidupan

sesebuah keluarga yang menyusukan anak. Selain itu, pembangunan kapasiti dalam kalangan anggota kesihatan juga perlu diberi perhatian agar mereka mempunyai kompetensi dan seterusnya mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik. Aspek perundangan untuk melindungi hak pasangan ibu bapa perlu diwujudkan selain hak kemudahan cuti bersalin dan cuti menjaga anak/ isteri bersalin. Selain itu, pelaksanaan penuh Kod Antarabangsa (*International Code of Marketing of Breastmilk Substitutes*) dan resolusi berkaitannya dalam Perhimpunan Kesihatan Sedunia (*World Health Assembly*). Kajian dapatkan menunjukkan strategi kesihatan awam yang menggabungkan pelbagai sektor berupaya meningkatkan amalan penyusuan susu ibu. Strategi seumpama ini seharusnya dilaksanakan secara menyeluruh dan saksama.

Sepanjang tempoh pandemik COVID-19, penyusuan susu ibu turut terkesan baik secara positif mahupun negatif. Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), ibu bapa dapat berada di rumah dan menumpukan perhatian mereka terhadap penjagaan dan pengasuhan bayi dan anak-anak. Sebaliknya, ekoran salah tanggapan terhadap risiko jangkitan virus COVID-19, terdapat beberapa buah negara yang tidak membenarkan ibu dan bayi berada bersama. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyarankan agar ibu dan bayi

berada bersama kerana penyusuan susu ibu bukan sahaja selamat, bahkan mampu mencegah kematian ramai bayi. Kesan pemisahan ibu dan anak serta larangan menyusukan anak kerana salah tanggapan terhadap risiko jangkitan ini memberi impak yang sangat besar. Selain itu, bebanan terhadap sistem kesihatan dan keperluan pematuhan arahan penjarakan sosial dan jarak juga mengehadkan capaian para ibu bapa mendapat bimbingan penyusuan susu ibu. Justeru, dengan perlaksanaan pelan vaksinasi yang sedang berlangsung, kita perlu memastikan mereka yang menyusui bayi tidak didiskriminasi serta dasar dan program yang berteraskan bukti dilaksanakan. Justeru, WHO dan pihak berwajib yang lain seperti CDC, ACOG dan NHS telah mengeluarkan panduan berkaitan.

Aliran media massa dan pemasaran digital kini semakin pesat. Ia memberi cabaran yang serius terhadap penyusuan susu ibu apabila industri makanan bayi dan produk berkaitan dengan meluas mengeksplorasi perkara ini menerusi promosi dan pemasaran produk tersebut secara tidak beretika. Salah laku ini ada diperincikan dalam Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan dan perlu diperketatkan dengan perundungan negara. Tahun ini merupakan tahun yang ke-40 kewujudan Kod Antarabangsa. Meskipun pertambahan bilangan negara yang melaksanakan Kod Antarabangsa ini amat memberangsangkan, namun, majoriti pemantauan dan penguatkuasaan Kod Antarabangsa ini masih lemah.

Pendekatan kesihatan awam melibatkan tindakan usaha sama pelbagai sektor bagi melindungi dan menyokong penyusuan susu ibu di sepanjang peringkat jagaan.

Kempen Sokongan *Warm Chain* untuk Penyusuan Susu Ibu oleh World Alliance for Breastfeeding Action (WABA) meletakkan

hubungan ibu - anak dalam penyusuan susu ibu pada teras dan ia selari dengan garis masa 1,000 hari pertama kehidupan. Ia menghubungkan pelbagai aspek dan perspektif bagi mewujudkan kelangsungan penjagaan. Setiap aspek dan perspektif dalam *Warm Chain* ini mungkin terdiri daripada inisiatif sedia ada, misalnya Inisiatif Hospital Rakan Bayi ataupun program kesihatan komuniti. Penyampaian mesej yang berterusan serta sistem rujukan yang berkesan di sepanjang *Warm Chain* ini, hubungan ibu - anak dalam penyusuan susu ibu akan mendapat sokongan serta bimbingan berkaitan penyusuan susu ibu yang berterusan. Persekitaran yang membolehkan penyusuan susu ibu itu dilindungi dan disokong, akhirnya mampu melindungi ibu bapa dan keluarga daripada pengaruh industri makanan bayi dan produk berkaitan.

Amalan penyusuan susu ibu yang sub-optimum adalah isu kesihatan awam yang memerlukan usaha dan pelaburan di peringkat komuniti. Pada Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia ini, kita diingatkan bahawa melindungi penyusuan susu ibu adalah tanggungjawab bersama. Inilah masanya untuk kita memaklumkan, menetapkan matlamat, menggesa dan melibatkan diri demi melindungi dan menyokong penyusuan susu ibu. Tindakan ini dapat membantu memastikan kelangsungan, kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak serta keluarga masing-masing di samping menjadi kunci pencapaian Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), tiada rakyat yang akan dilupakan.

Action Folder 2021 ini meneliti cabaran terhadap perlindungan dan sokongan penyusuan susu ibu di pelbagai peringkat: kebangsaan, sistem kesihatan, tempat kerja dan masyarakat. Ia turut menggariskan penyelesaian terhadap cabaran ini di setiap peringkat selain tindakan khusus yang perlu diambil bagi melindungi dan menyokong penyusuan susu ibu.

Objektif Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia Tahun 2021



Memaklumkan

masyarakat tentang kepentingan melindungi penyusuan susu ibu.



Mengukuhkan

terhadap amalan sokongan penyusuan susu ibu sebagai tanggungjawab kesihatan awam yang sangat penting.



Melibatkan

individu perseorangan dan organisasi bagi memperoleh impak yang lebih besar.



Menggesa

tindakan melindungi amalan penyusuan susu ibu bagi mempertingkatkan kesihatan awam.



Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia

Lindungi Penyusuan Susu Ibu: Tanggungjawab Bersama



PERINGKAT KEBANGSAAN

Cabaran

Di seluruh dunia, sebahagian besar kaum wanita memilih untuk menyusui bayi mereka yang baru lahir, malangnya, ramai yang tidak dapat menyusui bayi masing-masing selama yang diingini. Punca utama adalah kerana wujudnya halangan yang besar dalam persekitaran mesra penyusuan susu ibu, kurangnya kehendak politik dan pelaburan jangka panjang dalam perlindungan dan sokongan penyusuan susu ibu di peringkat kebangsaan.

Di sinilah wujudnya keperluan pelaksanaan Kod Antarabangsa seperti mana yang ditetapkan. Meskipun terdapat kemajuan di mana 136 buah negara telah mengguna pakai beberapa langkah perundangan, hanya 25 buah negara sahaja secara menyeluruhnya manakala 42 buah negara lagi secara sederhana bertindak selaras dengan Kod Antarabangsa yang ditetapkan. Meskipun negara tersebut mungkin mempunyai perundangan sendiri, isu-isu tentang skop produk, pelabelan, akuan kesihatan, tempat jualan dan cross promotion menjadi

perkara yang semakin membimbangkan. Secara umumnya, pemantauan dan penguatkuasaan yang berkesan masih belum mencukupi.

Halangan juga wujud apabila kurangnya undang-undang perlindungan sosial ibu dan keibubapaan yang dibiayai awam selaras dengan standard minimum antarabangsa yang digariskan dalam Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labour Organization* atau ILO), di mana lebih 800 juta pekerja wanita ketika ini tidak dilindungi. Selain itu, halangan tambahan di peringkat kebangsaan juga wujud seperti ketiadaan penyelarasan antara organisasi, pelaksanaan Inisiatif Hospital Rakan Bayi yang lemah, kesan pandemik COVID-19 yang berterusan serta krisis-krisis lain menyebabkan ramai yang berhasrat untuk menyusui bayi tidak berada dalam persekitaran yang menyokong amalan penyusuan susu ibu. Perkara ini adalah satu isu global.

Fakta dan Angka



Kadar penyusuan susu ibu di seluruh dunia masih lagi rendah dengan hanya **43% bayi** disusui dengan susu ibu dalam tempoh satu jam selepas kelahiran sementara **41% bayi di bawah usia enam bulan** menerima susu ibu secara eksklusif. Meskipun terdapat **70% wanita meneruskan penyusuan susu ibu sehingga sekurang-kurangnya untuk tempoh setahun**, kadar amalan penyusuan susu ibu menurun kepada **45% pada usia anak dua tahun**.

Jurang dalam kadar penyusuan susu ibu ini wujud di seluruh negara. Contohnya, di Amerika Syarikat, terdapat perbezaan dari segi permulaan dan tempoh penyusuan susu ibu dalam kalangan kaum yang berlainan berikutan perbezaan latar belakang ekonomi.

Demi mencapai sasaran pemakanan global yang menetapkan kenaikan penyusuan susu ibu ekslusif kepada 50% menjelang tahun 2025 pelaburan tambahan sebanyak \$5.7 bilion selama 10 tahun, atau \$4.70 bagi setiap bayi yang baru lahir diperlukan di semua negara yang berpendapatan rendah hingga sederhana.

Penyelesaian

Halangan-halangan ini akan dapat diatasi apabila keutamaan diberikan kepada amalan penyusuan susu ibu serta kesihatan ibu dan bayi. Pendekatan berteraskan bukti saintifik di peringkat kesihatan awam mampu membawa perubahan yang besar kepada kadar dan amalan penyusuan susu ibu dalam masyarakat. Pelaburan yang dibuat haruslah mampan bagi jangka masa panjang serta disokong oleh kepimpinan negara. Kita mempunyai bukti yang kuat mengenai manfaat kesihatan dan sosial dengan amalan penyusuan susu ibu di samping kaedah untuk melindungi, mempromosi dan menyokongnya.

Elemen utama yang perlu ditampilkan dalam program-program kebangsaan demi meningkatkan penyusuan susu ibu untuk semua telah dikenalpasti, misalnya dalam *Breastfeeding Gear Model* (BGGM). Ini termasuklah advokasi berteraskan bukti, pengaruh politik, dasar dan perundangan, latihan berterusan untuk warga kerja, pelaksanaan amalan berteraskan bukti di fasiliti kesihatan (Inisiatif Hospital Rakan Bayi) serta program-program komuniti (pembimbing penyusuan susu ibu dalam komuniti). Turut penting adalah kumpen-kumpen komunikasi perubahan tingkah laku, pelaksanaan kajian dan penilaian, termasuklah penyelarasan pelbagai peringkat secara efisien melibatkan entiti penyusuan susu ibu kebangsaan yang sangat aktif bagi memudahkan keputusan dibuat tepat pada masanya sama ada di peringkat tempatan sehingga di peringkat kebangsaan.

Kunci kepada perlindungan sosial yang saksama dalam memperkasakan peranan ibu bapa selain memastikan semua hak mereka terpelihara merangkumi perundangan, dasar di tempat kerja yang menyokong serta perubahan sikap yang positif. Ini termasuklah polisi perlindungan sosial keibubapaan dan undang-undang seperti cuti bergaji. Tempat kerja mesra

ibu bapa baik di sektor formal maupun tidak formal turut membantu mewujudkan persekitaran mesra penyusuan susu ibu. Dasar-dasar dan program kebangsaan patut menekankan perlunya para pekerja di sektor formal maupun tidak formal supaya mendapat kemudahan cuti bersalin, cuti paterniti, dan cuti ibu bapa (*parental*) seperti yang disarankan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Wanita wajar diberikan sekurang-kurangnya 18 minggu atau sebaik-baiknya sehingga enam bulan cuti bersalin bergaji. Selain itu, terdapat keperluan terhadap penambahbaikan liputan dan kualiti peruntukan sokongan penyusuan susu ibu di tempat kerja termasuklah sudut penyusuan dan waktu rehat semasa waktu berkerja.

Peraturan dan pemantauan pemasaran makanan bayi dan produk berkaitan sangat mustahak berikutan industri tersebut boleh melanggar Kod Antarabangsa di seluruh negara, lebih-lebih lagi sewaktu pandemik COVID-19 ini. Lonjakan pemasaran dalam media massa dan digital menekankan lagi keperluan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan, terutama sekali syarikat media sosial bagi memperingatkan mereka tentang peraturan berkaitan yang terpakai di platform masing-masing. Sudah tiba masanya badan kesihatan antarabangsa dan kerajaan meneroka cara mengawal selia pemasaran digital makanan bayi dan produk berkaitan menerusi platform media sosial dan memberi tanggungjawab kepada syarikat tersebut. Kesemua elemen perlindungan dan sokongan terhadap penyusuan susu ibu memerlukan penglibatan pelbagai sektor masyarakat dan kerajaan dalam pendekatan kesihatan awam selain tanggungjawab bersama yang bebas daripada konflik kepentingan.



Tindakan untuk kerajaan dan sektor di peringkat kebangsaan

- ✓ Mengukuhkan perlindungan terhadap amalan penyusuan susu ibu dan pemberian makanan kepada bayi dan kanak-kanak kecil dengan cara melaksana, memantau dan menguatkuasakan Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan.
- ✓ Meningkatkan peruntukan bagi menambah baik kadar amalan penyusuan susu ibu dari lahir sehingga berusia dua tahun dan seterusnya.
- ✓ Mengukuhkan sistem pemantauan bagi mengesan tahap kemajuan dasar dan amalan ke arah mencapai sasaran penyusuan susu ibu di peringkat kebangsaan dan global.
- ✓ Menyokong semasa Perhimpunan Kesihatan Sedunia (*World Health Assembly*) dalam mengenal pasti cara yang berkesan untuk mengawal strategi pemasaran digital syarikat pengeluar makanan bayi dan produk berkaitan.
- ✓ Menilai dan mengenal pasti secara sistematik dasar serta program yang boleh ditambah baik serta mewujudkan persekitaran kesihatan, ekonomi, sosial dan budaya bagi amalan penyusuan susu ibu; dengan menggunakan *evidence-based policy toolkits*.
- ✓ Melaksanakan undang-undang berkaitan ibu dan anak serta perlindungan sosial keibubapaan selain sokongan penyusuan susu ibu di tempat kerja dalam sektor kerja formal mahupun tidak formal.
- ✓ Menyediakan garis panduan kebangsaan tentang sokongan yang bersesuaian dan tepat pada masanya bagi amalan penyusuan susu ibu selari dengan Panduan Pertubuhan Kesihatan Sedunia dalam konteks COVID-19 dan semasa bencana.
- ✓ Menggalakkan pendekatan pelbagai sektor dalam menilai impak kepada amalan tidak menyusui bayi dengan susu ibu agar tanggungjawab bersama dapat diperkuuhkan dalam usaha melindungi, mempromosi dan menyokong penyusuan susu ibu di segenap lapisan masyarakat.

Disclaimer:

1. **Kod Antarabangsa** merujuk kepada *International Code of Marketing of Breastmilk Substitutes*.
2. **Tata Etika merujuk kepada** Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan yang dilaksanakan di Malaysia.
3. Terdapat para yang telah disesuaikan penggunaan terma **Kod Antarabangsa** dan **Tata Etika** agar perkara yang dibincangkan lebih universal.
4. Kedua-dua istilah ini telah diadaptasi dalam dokumen ini bagi menyesuaikan pelaksanaan di Malaysia.

PENGHARGAAN: Pihak WABA ingin merakamkan penghargaan buat:

Penyumbang	: Brown, David Clark, Elizabeth Zhener, Frances Mason, Hussein Tarimo, JP Dadhich, Katelyn Yuen, Miski Abdi, Nia Umar, Prashant Gangal, Rafael Pérez-Escamilla, Rahmat Hidayat, Revathi Ramachandran
Pengulas	: Allesandro Iellamo, Claudio Schuftan, Elien Rouw, Fatmata Fatima Sesay, Hiroko Hongo, Irma Chavarria de Maza, Jeanette McCulloch, Judy Canahuati, Julie Smith, Julie Ware, Kathleen Anderson, Kathy Parry, Khalid Iqbal, Larry Grummer-Strawn, Lesley Oot, Linda Smith, Lisa Mandell, Marina Ferreira Rea, Maryse Arendt, Michele Griswold, Mona Al-Sumaiie, Nadrah Arifin, Paige Hall Smith, Roger Mathisen, Rufaro Madzima, Rukshana Haider, Zaharah Sulaiman
Pasukan Editorial	: Amal Omer-Salim, Revathi Ramachandran, Thinagaran Letchumanan
Rekabentuk & Susun Atur	: Chuah Pei Ching, Nisha Kumaravel
Penasihat	: Felicity Savage
Pereka	: C-Square Sdn Bhd.



COPYRIGHT NOTICE: WABA asserts all legal rights and intellectual property rights under the Berne Convention over the World Breastfeeding Week Logos and Campaign Materials. This copyright is subject to fair use, with appropriate attribution to WABA. The logos and materials shall not be used in any way that directly or indirectly damages WABA's reputation and/or standing, whether by content, context or association. Prior written consent shall always be sought before the logos and materials are used in any commercial activity or adaptations/modifications are made (email to wwb@waba.org.my). The logos and materials shall not be used in any event and/or activity sponsored, supported or organised by companies manufacturing, distributing or marketing breastmilk substitutes, feeding bottles, or teats. See FAQ on www.worldbreastfeedingweek.org for further information.

World Alliance for Breastfeeding Action (WABA) is a global network of individuals and organisations dedicated to the protection, promotion and support of breastfeeding worldwide based on the Innocenti Declarations, the Ten Links for Nurturing the Future and the WHO/UNICEF Global Strategy for Infant and Young Child Feeding. WABA is in consultative status with UNICEF and an NGO in Special Consultative Status with the Economic and Social Council of the United Nations (ECOSOC). WABA coordinates the annual World Breastfeeding Week campaign.



PERINGKAT SISTEM KESIHATAN

Cabaran

Banyak sistem kesihatan ketika ini tidak mampu menyediakan maklumat yang berkesan termasuklah sokongan di sepanjang rantaian kesinambungan penjagaan (*continuum of care*), justeru menyebabkan keluarga yang mempunyai bayi sedang menyusu terdedah kepada pengaruh industri makanan bayi dan produk berkaitan. Adaptasi dan pelaksanaan Hospital Rakan Bayi yang lemah membawa maksud sistem penjagaan kesihatan tidak berupaya menyediakan sokongan dan perlindungan yang mencukupi terhadap penyusuan susu ibu. Penyampaian mesej dalam sistem kesihatan yang tidak konsisten, latihan yang tidak mencukupi dalam kalangan pekerja kesihatan dari aspek anggota terlatih dalam penyusuan susu ibu dan tanggungjawab mereka seperti mana termaktub di bawah Tata Etika, di samping beban tugas yang berat serta agihan sumber yang tidak mencukupi, menjelaskan kuantiti dan kualiti penjagaan yang ditawarkan.

Sejak hari pertama produk komersial yang merangkumi makanan bayi dan produk berkaitan dibangunkan pada akhir abad ke-19, para pengeluar mula beralih tumpuan kepada pekerja kesihatan untuk membantu mereka memperkenalkan produk masing-masing kepada para ibu dan bayinya. Laporan Status Kod Antarabangsa 2020 mendapati tidak banyak negara yang mengetengahkan tindakan tegas bagi membendung promosi produk-produk tersebut dalam sistem kesihatan.

Laporan pemantauan berkala yang diterbitkan oleh *International Baby Food Network – International Code Documentation Centre* (IBFN-ICDC) merekodkan pelanggaran yang berterusan ke atas peruntukan Kod Antarabangsa tersebut oleh industri makanan bayi dan produk berkaitan. Tambahan pula, konflik kepentingan dalam sistem kesihatan terus kekal sebagai perkara yang cukup membimbangkan, misalnya, pekerja kesihatan dibayar untuk mengagihkan sampel susu formula ataupun menerima hadiah daripada syarikat pengeluar makanan bayi dan produk berkaitan.

Pandemik COVID-19 yang melanda telah menjelaskan peruntukan dan penggunaan perkhidmatan ibu dan anak. Kesan pandemik ini ke atas populasi terpinggir lebih besar manakala jurang yang semakin luas turut diperhatikan. Pandemik ini juga menyebabkan fokus sistem kesihatan terhadap sokongan terhadap penyusuan susu ibu. Situasi ini turut diburukkan lagi dengan pelanggaran Tata Etika yang berlaku di peringkat sistem kesihatan. Pertubuhan Kesihatan Sedunia menyarankan agar para ibu yang disyaki atau disahkan positif COVID-19 diberi galakan untuk memula dan meneruskan penyusuan susu ibu selain dibolehkan untuk berada bersama bayi masing-masing dan mengamalkan sentuhan kulit ke kulit. Namun demikian, ada sesetengah kerajaan yang melaksanakan garis panduan yang bertentangan dalam sistem kesihatan masing-masing.

Fakta dan angka



WHO Guidance on Ending The Inappropriate Promotion Of Foods For Infants And Young Children menyarankan agar pengeluar makanan bayi dan produk berkaitan tidak mewujudkan konflik kepentingan dalam kalangan anggota sistem kesihatan. Malah, sistem kesihatan, persatuan profesional kesihatan dan pertubuhan bukan kerajaan juga turut menerima saranan yang sama.



WHO Baby-Friendly Hospital Initiative: New Implementation Guidance To Protect, Promote And Support Breastfeeding In Health Facilities Globally mengiktiraf Kod Antarabangsa sebagai salah satu daripada 10 Langkah Penyusuan Susu Ibu Yang Berjaya yang sedia ada.



Daripada 136 negara yang mengenakan tindakan undang-undang ke atas pelanggaran Kod itu, hanya 79 negara sahaja yang mengenakan larangan menyeluruh terhadap penggunaan fasiliti kesihatan sebagai tempat mempromosi sementara 30 negara lain menguatkuasakan larangan penuh pemberian sebarang hadiah ataupun insentif kepada anggota kesihatan.

Penyelesaian

Apabila sistem kesihatan melaksanakan 10 Langkah Penyusuan Susu Yang Berjaya dalam Inisiatif Hospital Rakan Bayi, terdapat perubahan positif pada penyusuan susu ibu. Hasil dapatan menunjukkan bahawa lebih banyak 10 Langkah Penyusuan Susu Yang Berjaya dalam Inisiatif Hospital Rakan Bayi dilaksanakan, maka lebih besarlah peluang kenaikan kadar amalan penyusuan susu ibu. Pendidikan penyusuan susu ibu dan latihan kepada anggota kesihatan meningkatkan pengetahuan, sikap dan kepatuhan kepada standard Inisiatif Hospital Rakan Bayi. Kaunseling penyusuan susu ibu, tunjuk ajar dan sokongan emosi daripada profesional mahupun orang awam yang terlatih amat perlu bagi meningkatkan tempoh serta amalan menyusukan bayi secara eksklusif. *Warm Chain* di sepanjang kesinambungan penjagaan mampu menyalurkan mesej dan sistem rujukan yang baik secara konsisten agar mana-mana bayi yang sedang disusui atau keluarga yang sedang menyusukan bayi sewajarnya akan menerima sokongan berterusan yang mereka perlukan.

Pembangunan kapasiti selain pengekalan anggota kesihatan di semua peringkat sistem kesihatan, termasuklah anggota kesihatan komuniti, sangat diperlukan bagi meningkatkan keupayaan mereka dalam memberikan kaunseling dan sokongan penyusuan susu ibu. Tahun 2021 adalah Tahun Kesihatan dan Pekerja Kesihatan Antarabangsa (*International Year of Health and Care Workers*) dan ini membuka peluang bagi menyatakan sokongan terhadap keperluan meningkatkan pelaburan dan perlindungan ke atas anggota kesihatan, termasuklah mereka yang terlibat dalam aktiviti menyokong penyusuan susu ibu.

Kod Antarabangsa yang ada telah menggariskan tanggungjawab khusus para pekerja kesihatan, justeru semua anggota seharusnya peka dan mempunyai ilmu tentang peruntukan Kod Antarabangsa tersebut serta pentingnya mengelakkan diri daripada konflik kepentingan. Pelaburan besar dalam pelaksanaan Hospital Rakan Bayi dan kaunseling penyusuan susu ibu berteraskan masyarakat dapat membantu melindungi dan menyokong penyusuan susu ibu, kerana pematuhan kepada Kod Antarabangsa ini disertakan dalam semakan semula Inisiatif Hospital Rakan Bayi. Pemantauan secara bersistem, pelaporan dan penguatkuasaan Kod Antarabangsa selain ketetapan konflik kepentingan di fasiliti kesihatan dapat melindungi sistem kesihatan daripada pengaruh industri makanan bayi dan produk berkaitan.

Pihak kerajaan dan sistem kesihatan bertanggungjawab untuk memastikan Inisiatif Hospital Rakan Bayi dilaksanakan, baik di sektor penjagaan kesihatan awam mahupun swasta. Tindakan ini amat mustahak terutama sekali sepanjang penularan pandemik COVID-19 ini dan tempoh selepasnya. Setiap negara perlu mengesan impak pandemik ini ke atas penyusuan susu ibu, menyiasat keperluan keluarga yang mempunyai bayi sedang menyusu, lebih-lebih lagi dalam kalangan golongan terpinggir, selain membangunkan kaedah yang berkesan untuk membantu mereka mencapai matlamat penyusuan masing-masing. Tindakan ini dapat dijayakan menerusi penglibatan dan penyelarasan semua individu yang berada di dalam dan luar sistem kesihatan. Pada asasnya, ia bermaksud mewujudkan satu *Warm Chain* yang memberikan penekanan terhadap peranan setiap individu dan tanggungjawab bersama dalam menyokong serta melindungi penyusuan susu ibu.



Tindakan oleh penggubal dasar dalam sistem kesihatan dan anggota kesihatan

- ✓ Meningkatkan pelaksanaan 10 Langkah Ke Arah Penyusuan Susu Ibu Yang Berjaya yang baharu di semua sistem kesihatan yang memberi perkhidmatan kesihatan ibu dan anak.
- ✓ Meningkatkan latihan kaunseling penyusuan susu ibu dan Tata Etika kepada anggota kesihatan yang menyampaikan perkhidmatan kesihatan ibu dan anak.
- ✓ Menyediakan peruntukan bagi membiayai sokongan penyusuan susu ibu di peringkat penjagaan kesihatan primer.
- ✓ Memastikan pemantauan Tata Etika secara sistematik dan berkala di semua peringkat sistem kesihatan.
- ✓ Mengelakkan konflik atas dasar kepentingan dalam kalangan penyedia penjagaan kesihatan dengan mematuhi WHO Guidance on Ending The Inappropriate Promotion Of Foods For Infants And Young Children.
- ✓ Menyatakan sokongan bersama-sama pertubuhan profesional kesihatan dalam menghentikan penerimaan sokongan atau tajaan daripada industri makanan bayi dan produk berkaitan.
- ✓ Mewujudkan *Warm Chain* dengan cara mempromosikan kerjasama antara profesional dalam sistem kesihatan dengan masyarakat demi mewujudkan kesinambungan penjagaan.
- ✓ Mengintegrasikan pengetahuan dan kemahiran penyusuan susu ibu kepada anggota kesihatan sebelum perkhidmatan selain kurikulum pendidikan berterusan dengan menggunakan *Infant and Young Child Feeding: Model Chapter*.



Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia
Lindungi Penyusuan Susu Ibu: Tanggungjawab Bersama



PERINGKAT TEMPAT KERJA

Cabaran

Di kebanyakan tempat di seluruh dunia, ibu bapa yang berkerja tidak menerima perlindungan sosial yang mencukupi, termasuklah polisi cuti bergaji, polisi tempat kerja mesra ibu bapa, kemudahan ruang penyusuan, rehat menyusui bayi yang bergaji serta jadual kerja yang anjal bagi menyokong amalan penyusuan susu ibu. Ramai kalangan wanita dan ibu bapa berkerja turut berhadapan isu perlindungan hak ibu bapa dan ibu-anak yang lemah dalam usaha mencapai matlamat penyusuan masing-masing.

Para wanita lazimnya terpaksa kembali berkerja selepas tempoh cuti bersalin yang singkat dan tiada sokongan untuk meneruskan penyusuan susu ibu di tempat kerja. Majikan pula kurang memahami bahawa tindakan menyokong penyusuan susu ibu itu mampu memberi manfaat bukan sahaja kepada organisasi tempat kerja, bahkan juga kepada para pekerja serta keluarga mereka. Ramai dalam kalangan majikan juga kurang jelas tentang keperluan pekerja mereka yang menyusui bayi dalam usaha menjayakan fasa peralihan kembali berkerja selepas cuti bersalin. Halangan lain pula adalah tempat kerja yang berbeza mungkin mempunyai sumber dan keadaan yang berbeza dalam melaksanakan program-program sokongan, misalnya, sebuah syarikat multi-nasional mungkin memiliki

lebih banyak kemudahan jika dibandingkan dengan syarikat kecil atau sederhana.

Lebih separuh (61.2%) daripada tenaga kerja di seluruh dunia berkerja dalam sektor ekonomi tidak formal dan tidak dilindungi oleh polisi perlindungan sosial. Para pekerja dalam sektor ekonomi tidak formal ini lazimnya tidak diwakili oleh kesatuan formal dan berhadapan dengan pelbagai halangan untuk menyusui bayi, misalnya, tinggal jauh dari tempat kerja, waktu kerja yang panjang tanpa rehat serta persekitaran tempat kerja yang berbahaya. Faktor-faktor sebegini menjadikan penyusuan susu ibu itu lebih mencabar.

Kurangnya sokongan terhadap penyusuan susu ibu di tempat kerja membuka peluang kepada pemasaran yang bersasar oleh industri produk gantian susu ibu, yang mana selain daripada risiko kesihatan, ia turut menambah beban ekonomi sesebuah keluarga. Pandemik COVID-19 mempengaruhi pengalaman penyusuan susu ibu di tempat kerja dalam pelbagai cara yang kelazimannya memburukkan lagi situasi yang dihadapi oleh para pekerja. Mereka mungkin kesuntukan masa dan menghadapi sekatan seperti penjarakan sosial, yang menyukarkan lagi mereka untuk memerah susu ibu.

Fakta dan angka



Hanya 39 buah negara yang mengesahkan Konvensyen Perlindungan Materniti Pertubuhan Buruh Antarabangsa, 2000 (ILO *Maternity Protection Convention*, 2000) (No. 138). Daripada 185 buah Negara: 99 negara menawarkan cuti bersalin bergaji tempoh minimum selama 14 minggu atau lebih, 57 negara menawarkan cuti selama 14-17 minggu, 42 negara sahaja yang menawarkan cuti selama 18 minggu atau lebih. Hanya sebilangan kecil negara sahaja yang berjaya mencapai tempoh enam bulan seperti yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia bagi penyusuan susu ibu eksklusif.



Bukti terkini dari 38 buah negara berpendapatan rendah hingga sederhana menunjukkan lanjutan tempoh cuti bersalin yang diterima berpotensi mengurangkan cabaran / halangan penyusuan susu ibu dalam kalangan wanita berkerja.



90% daripada para pekerja di negara membangun, 67% dari negara berpendapatan sederhana tinggi hingga sederhana rendah dan 18% dari negara berpendapatan tinggi berkerja dalam sektor tidak formal. Wanita yang berkerja dalam sektor ekonomi tidak formal ini tidak mendapat hak materniti dan kemudahan di tempat kerja yang mencukupi bagi membolehkan mereka bekerja sambil meneruskan penyusuan susu ibu.

Penyelesaian

Konvensyen Perlindungan Materniti Pertubuhan Buruh Antarabangsa C183 melindungi wanita yang berkerja baik dalam sektor formal maupun tidak formal daripada kerugian ekonomi, diskriminasi gender dan risiko berkaitan kesihatan ibu dan anak. Langkah khusus yang dilaksanakan termasuklah cuti bersalin, penjagaan kesihatan ibu dan anak, perlindungan pekerjaan dan tanpa diskriminasi, perlindungan kesihatan di tempat kerja kepada wanita hamil dan menyusu bayi serta urusan penyusuan susu ibu di tempat kerja. Selain itu, langkah perlindungan sosial keibubapaan yang menyediakan cuti bergaji kepada pasangan ibu bapa, selain polisi di tempat kerja yang fleksibel turut menyokong penyusuan susu ibu serta keibubapaan tanpa ada isu diskriminasi gender.

Mewujudkan suasana kerja dengan peruntukan masa, ruang dan sokongan sangat diperlukan oleh pekerja supaya mereka dapat menjayakan penyusuan susu ibu dengan tugas hakiki. Ini termasuklah memperuntukkan ruang penyusuan yang selesa, kemudahan penyusuan susu ibu dan penyimpanan susu perahan, waktu kerja bergaji yang anjal serta rehat untuk menyusu atau memerah susu di samping polisi

tempat kerja yang menyokong. Polisi kerja juga seharusnya memastikan cuti ibu bapa dan paterniti yang diberi tidak menjelaskan manfaat cuti bersalin sedia ada. Polisi sebegini sepatutnya membolehkan para bapa atau pasangan membuat keutamaan terhadap tanggungjawab berkaitan keluarga. Selain itu, ia akan membantu pasangan berbincang dan mencorakkan kemahiran keibubapaan dan pasangan yang menyusukan anak, sambil melaksanakan tuntutan tugas masing-masing.

Perlindungan sosial terhadap ibu bapa mampu dicapai menerusi perkongsian yang berkesan di antara tiga pihak berkepentingan iaitu kerajaan, majikan dan kesatuan sekerja yang saling bekerjasama dengan pertubuhan masyarakat awam dan komuniti. Pihak-pihak berkepentingan ini perlu bersepakat mengenal pasti penyelesaian yang wajar bagi perlindungan ibu, anak serta ibu bapa di samping menyokong para pekerja yang terlibat dalam sektor ekonomi formal maupun tidak formal. Tatkala dilanda situasi pandemik dan darurat kesihatan seperti COVID-19 ini, situasi kerja juga turut berubah dan memerlukan intervensi yang bersasar untuk menampung pelbagai keperluan pekerja yang menyusui bayi.



Tindakan oleh pihak majikan, kesatuan sekerja dan para pekerja

- ✓ Melibatkan diri dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam mewujudkan tempat kerja mesra penyusuan susu ibu yang menyediakan sokongan seperti kemudahan penyusuan susu ibu, rehat untuk menyusu bergaji serta jadual kerja yang anjal.
- ✓ Menyatakan sokongan terhadap cuti ibu bapa bergaji yang dibiayai bagi membolehkan penyusuan susu ibu eksklusif sekaligus menggalakkan penglibatan bapa atau pasangan dalam penjagaan anak dan urusan rumah tangga.
- ✓ Membangun, melaksana dan memantau polisi-polisi berkaitan untuk menyertakan pekerja sektor tidak formal dalam urusan perlindungan materniti dan sosial.
- ✓ Menyokong penempatan anggota yang terlatih dan berkemahiran di tempat kerja untuk memberi nasihat kepada ibu bapa tentang penyusuan susu ibu, seperti pembimbing susu ibu, profesional kesihatan, dan perunding laktasi.
- ✓ Berkerjasama dengan pihak kerajaan dan pekerja untuk menyemak dan menambah baik undang-undang negara yang merangkumi perlindungan sosial ibu bapa dan materniti untuk semua pekerja.
- ✓ Mewujudkan tempat kerja mesra penyusuan susu ibu yang mematuhi polisi / panduan yang ditetapkan. Ini termasuklah mengelakkan penajaan daripada syarikat-syarikat pengeluar, pengedaran ataupun pemasaran makanan bayi dan produk berkaitan.



Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia
Lindungi Penyusuan Susu Ibu: Tanggungjawab Bersama



PERINGKAT KOMUNITI

Cabaran

Semua halangan di peringkat negara, sistem kesihatan dan tempat kerja akan mempengaruhi masyarakat dan individu. Norma sosial dan amalan sedia ada dalam masyarakat sering menghalang amalan penyusuan susu ibu yang optimum. Apabila kadar amalan menyusukan anak dengan susu ibu menjadi rendah budaya ‘susu botol’ atau ‘campur susu’ akan berlaku. Keputusan yang diambil berhubung dengan penyusuan bayi ini dipengaruhi oleh pasangan, ahli keluarga dan masyarakat sekeliling. Selain itu, sokongan penyusuan susu ibu yang tidak mencukupi daripada masyarakat sekeliling akan membuatkan perlindungan, promosi dan intervensi sokongan terhadap amalan penyusuan susu ibu itu lebih mencabar.

Syarikat-syarikat kini mula menggunakan kaedah baharu dalam aktiviti promosi masing-masing seperti menggunakan pertubuhan tajaan industri yang berlagak seperti akar umbi termasuklah pertubuhan bukan kerajaan, memanipulasikan iklan-iklan kesihatan awam, menggunakan akuan pemakanan dan kesihatan yang tidak berasas, *cross promotion* makanan bayi dan produk berkaitan, menggunakan media massa dan

sosial, pemasaran digital serta *influencer* industri-industri pula menggunakan selebriti, *influencer* dalam kalangan masyarakat, malahan anggota kesihatan sama ada secara terang-terangan ataupun tersembunyi untuk mempromosikan produk masing-masing, sehingga menjelaskan amalan penyusuan susu ibu yang optimum.

Masyarakat mahupun individu secara amnya terdedah kepada promosi umum dan pendermaan yang dibuat oleh industri makanan bayi dan produk berkaitan pada masa kecemasan ataupun bencana, yang mana ini melanggar Kod Antarabangsa, Tata Etika dan polisi berkaitan. Syarikat makanan bayi dan produk berkaitan didapati mengaut keuntungan daripada kekeliruan dan ketakutan yang menyelubungi para ibu bapa ketika pandemik COVID-19, dengan giatnya mempromosikan produk masing-masing sebagai “alternatif yang lebih selamat”, hingga boleh melanggar Kod Antarabangsa, Tata Etika dan polisi berkaitan yang ditetapkan.

Fakta dan Angka



Industri makanan bayi dan produk berkaitan menggunakan pemasaran digital untuk mempromosikan produk mereka kepada kaum ibu menerusi rancangan seperti “Mombassador” di Indonesia, sehingga melanggar peruntukan peraturan negara.

Derma dan eksplorasi oleh industri makanan bayi dan produk berkaitan semasa pandemik COVID-19 telah dilaporkan di banyak negara termasuklah di Kanada, India, Itali, Pakistan, Filipina dan juga United Kingdom.

Satu kajian yang dibuat pada tahun 2020 menunjukkan syarikat-syarikat makanan bayi dan produk berkaitan memang memahami akan golongan ibu bapa baharu yang mudah terpengaruh ini, termasuklah keperluan ibu bapa yang berkerja, dan mereka bertindak mempromosikan pelbagai produk makanan bayi dan produk berkaitan sedia ada secara terus kepada golongan ini menerusi komunikasi yang disasarkan secara individu.

Penyelesaian

Setiap lapisan masyarakat mempunyai tanggungjawab untuk melindungi dan menyokong keluarga yang mempunyai bayi dalam pelbagai cara. Keluarga, rakan dan kumpulan rangkaian sosial, pemimpin masyarakat, pertubuhan masyarakat awam, pejuang dan juga pihak media, masing-masing memainkan peranan yang penting. Keluarga terdekat dan jauh boleh memainkan peranan penting dalam menyalurkan sokongan dan perlindungan setiap hari dengan cara kerjasama berkumpulan.

Kumpulan masyarakat samada secara fizikal atau maya boleh menyalurkan sokongan yang berharga terhadap hubungan ibu-anak dengan melindungi penyusuan susu ibu ini dengan cara lebih berwaspada terhadap aktiviti promosi dan pemasaran oleh industri. Mesej perubahan tingkah laku strategik dan inovatif yang menyasarkan seluruh ahli keluarga dan masyarakat sangat perlu bagi mengukuhkan sokongan kepada keluarga yang mempunyai bayi sedang menyusu. Sosio budaya yang sesuai serta komunikasi yang berterusan perlu disiarkan baik di platform media perdana maupun di media sosial, dengan bantuan para pemimpin masyarakat dan juga *influencer*.

Kesedaran tentang Kod Antarabangsa, Tata Etika dan polisi berkaitan yang meluas dalam kalangan orang awam serta kepentingan melindungi hak ibu-anak dalam penyusuan susu ibu sangat perlu. Pejuang masyarakat awam juga perlu lebih berwaspada dan mengenal pasti pemasaran digital makanan bayi dan produk berkaitan yang melanggar Kod Antarabangsa, Tata Etika dan polisi berkaitan selain meneroka cara untuk mengawal selia amalan sedia ada. Media arus perdana boleh membantu dan menyokong penyusuan susu ibu dengan cara berkerjasama dengan kumpulan pakar dalam menyalurkan maklumat yang tepat dan tidak berat sebelah.

Dialog antara pelbagai pihak berkepentingan di peringkat masyarakat setempat selain kata sepakat tentang cara untuk menzahirkan masyarakat mesra penyusuan susu ibu yang mengangkat penyusuan susu ibu sebagai norma sosial, pematuhan Kod Antarabangsa, Tata Etika dan polisi berkaitan dan bebas konflik kepentingan ini amatlah perlu. Perkara ini dapat membantu memastikan perlindungan dan sokongan penyusuan susu ibu itu menjadi satu tanggungjawab bersama seluruh lapisan masyarakat.



Tindakan oleh anggota masyarakat, pertubuhan dan keluarga

- ✓ Memperjuangkan kepada kerajaan untuk melaksana, memantau dan memperkuatkuan penguatkuasaan Tata Etika dalam negara menggunakan Laporan Pemantauan Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan Negeri.
- ✓ Membangunkan sistem mesra pengguna yang berkesan untuk melaporkan pelanggaran Tata Etika dan mendorong masyarakat setempat supaya melaporkan perlanggaran yang berlaku.
- ✓ Membangunkan keupayaan kumpulan penyusuan susu ibu dalam komuniti agar berupaya menyalurkan sokongan berterusan kepada keluarga yang mempunyai bayi menyusu menerusi platform bersemuka atau digital.
- ✓ Berunding dengan pembimbing susu ibu tempatan, penyokong rakan sebaya, perunding laktasi ataupun profesional kesihatan sekiranya anda mempunyai masalah penyusuan.
- ✓ Memastikan kesinambungan sokongan yang diberikan kepada ibu menyusui bayi dan keluarga mereka dengan cara menghubungkan kumpulan penyusuan dalam komuniti dengan sistem kesihatan.
- ✓ Memberikan dorongan kepada pakar penyusuan supaya muncul dalam media sosial untuk menyalurkan maklumat dan sokongan yang betul.
- ✓ Melibatkan anggota masyarakat menerusi pemimpin, persatuan wanita, kumpulan lelaki atau struktur masyarakat sedia ada yang lain untuk menyokong dialog tentang penyusuan susu ibu menggunakan Minggu Penyusuan Sedunia sebagai platform.



Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia
Lindungi Penyusuan Susu Ibu: Tanggungjawab Bersama

MESEJ UTAMA



Pendekatan kesihatan awam terhadap penyusuan susu ibu, di mana kerajaan dan pihak berkepentingan yang lain menjalinkan kerjasama dalam mewujudkan persekitaran mesra penyusuan susu ibu pelbagai sektor, adalah satu aspek penting dalam melindungi dan menyokong penyusuan susu ibu.

Pendekatan ini memerlukan pelaburan dalam dasar dan pelaksanaan berteraskan bukti tentang apa yang kita ketahui mampu melindungi dan menyokong penyusuan susu ibu.

Kod Antarabangsa dan dalam konteks Malaysia, Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan, masih kekal penting pada hari ini seperti mana 40 tahun yang lalu untuk melindungi keluarga daripada pemasaran dan promosi yang tidak beretika.

Negara perlu menggubal, memantau dan menguatkuasakan perundangan negara selari dengan Kod Antarabangsa dan Tata Etika di samping resolusi Perhimpunan Kesihatan Sedunia yang berkaitan.




Perlindungan sosial kepada semua ibu bapa dalam sektor formal mahupun tidak formal, termasuk cuti ibu bapa bergaji dan sokongan di tempat kerja akan melindungi hak penyusuan susu ibu mereka.

Perkara ini mampu dicapai menerusi perkongsian antara pihak kerajaan, majikan, kesatuan sekerja, pertubuhan masyarakat awam dan anggota masyarakat.

Pendekatan kesihatan awam terhadap penyusuan susu ibu, di mana kerajaan dan pihak berkepentingan yang lain menjalinkan kerjasama dalam mewujudkan persekitaran mesra penyusuan susu ibu pelbagai sektor, adalah satu aspek penting dalam melindungi dan menyokong penyusuan susu ibu.

Industri Makanan Bayi dan Produk Berkaitan mengeksplorasi platform digital bagi memasarkan produk mereka kepada orang awam, suatu amalan yang kian ketara semenjak pandemik COVID-19.



Kita semua perlu lebih berwaspada terhadap strategi pemasaran digital oleh industri berkenaan dan meneroka pelbagai cara untuk membendungnya.



Semua anggota kesihatan yang memberi perkhidmatan kesihatan ibu dan anak haruslah dilatih dalam kaunseling penyusuan susu ibu, Tata Etika serta pendedahan terhadap konflik kepentingan.

Menggalakkan kerja berpasukan antara profesional kesihatan itu sendiri dan menghubungkan mereka dengan anggota dan kumpulan kesihatan di komuniti akan membantu mewujudkan *Warm Chain* terutamanya kepada keluarga yang mempunyai bayi menyusu, ibu hamil dan keluarga dengan anak berusia bawah 2 tahun (1,000 hari kehidupan).



Norma sosial yang menentang amalan penyusuan tradisional selain pemasaran makanan bayi dan produk berkaitan yang agresif di peringkat komuniti sering menjelaskan penyusuan susu ibu yang optimum.

Kerjasama pelbagai pihak dalam komuniti dapat membantu melindungi dan menyokong penyusuan susu ibu untuk semua keluarga.



Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia

Lindungi Penyusuan Susu Ibu: Tanggungjawab Bersama